

## Tingkat Kesedaran Masyarakat Tentang Isu Kemiskinan Haid



Oleh: Siti Noor Azila Binti Abdullah Amin

*Universiti Sains Islam Malaysia*

*Diterbitkan pada 2 Ogos 2021*

Isu 'kemiskinan haid' bukan sesuatu yang baharu dalam kalangan masyarakat, malah ia merupakan isu global. Namun, akibat kurangnya kesedaran tentang isu ini, maka ia jarang dibincangkan dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Kemiskinan haid merupakan masalah yang dihadapi oleh golongan wanita dan gadis remaja apabila tidak dapat membeli tuala wanita ketika haid atau 'datang bulan' yang disebabkan oleh kekangan sumber kewangan.

Pada tahun 2018, Bank Dunia menganggarkan seramai 500 juta orang di dunia tidak mampu membeli tuala wanita ketika haid.

Menurut ahli sosiologi, Dr Sharifah Fatimah Zahra Alattas, isu kemiskinan haid cukup membimbangkan apabila orang ramai kurang kesedaran tentang pengurusan haid.

Ekoran tidak mampu membeli tuala wanita, mereka terpaksa menggunakan kain-kain perca untuk dijadikan sebagai pengganti. Secara tidak langsung, ia menunjukkan bahawa isu kebersihan diabaikan.

Ada juga yang mengambil keputusan untuk hamil selama sembilan bulan agar tidak haid dan tidak perlu membeli tuala wanita.

Lebih memeranjatkan, segelintir anggota masyarakat mempunyai stigma yang menganggap bahawa isu haid tidak sepatutnya disuarakan kerana ia berkaitan dengan wanita.

Stigma ini perlu dibuang kerana isu haid berkait rapat dengan kebersihan dan bukan satu isu yang sepatutnya menyebabkan kita berasa malu.

Mentaliti sebegini telah menyebabkan isu ini seolah-olah diperkotak-katikkan dan mereka yang mengalaminya terpaksa berdiam diri.

Kemiskinan haid bukan hanya terjadi kepada mereka yang tinggal di luar bandar sahaja, malah terdapat juga penduduk bandar yang terpaksa berdepan masalah ini.

Mujurlah, akhir-akhir ini, isu kemiskinan haid mendapat perhatian beberapa pihak termasuk badan bukan kerajaan (NGO), kerajaan dan masyarakat. Pelbagai usaha murni yang dijalankan oleh mereka dalam membendung isu ini.



*Tuala wanita amat penting kepada golongan wanita yang didatangi haid.*

Misalnya, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) mengambil inisiatif menyediakan tuala wanita percuma dan mengadakan kempen kesedaran.

Bagi mengatasi isu ini, kita sebagai masyarakat juga perlu bergerak dan bukan hanya bergantung kepada kerajaan dan NGO semata-mata.

Terdapat pelbagai usaha yang boleh kita jalankan seperti membantu saudara-mara dan jiran terdekat dengan memberi tuala wanita secara percuma.

Mungkin, usaha kita ini agak kecil berbanding dengan pihak lain, namun percayalah usaha kita ini sedikit sebanyak dapat membantu mereka yang dalam kesusahan.

Ingatlah sabda Rasulullah SAW bermaksud, “Sebaik-baik manusia adalah orang yang paling bermanfaat bagi manusia lain. (Hadis riwayat at-Tabrani)

Kerajaan juga boleh menambah baik Dasar Pendidikan Kebangsaan dengan memasukkan topik berkaitan haid dalam buku teks Pendidikan Kesihatan dan Pendidikan Sivik terutamanya kepada murid-murid sekolah rendah.

Langkah ini bagi mengatasi masalah kurang kesedaran tentang isu berkaitan haid. Tambahan lagi, ada dalam kalangan pelajar perempuan sekolah rendah sudah mengalami haid dan mereka perlu didedahkan dengan perkara ini.

Kemiskinan haid perlu diketengahkan dalam kalangan masyarakat agar semua rakyat sedar tentangnya. Lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang yang mungkin menyempitkan lagi kehidupan mereka.

Bagi mereka yang berkemampuan, tiada masalah untuk membeli tuala wanita setiap bulan. Masalah sering dihadapi bagi mereka yang kurang berkemampuan untuk membelinya.

Sehubungan itu, bersama-samalah kita berganding bahu dalam menangani masalah ini agar masalah kemiskinan haid dapat diatasi sepenuhnya di Malaysia.